



"VAKSIN COVID 19 ; MENEGAH KEMUDARATAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	4
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah kita perkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "VAKSIN COVID 19 : MENEGAH KEMUDARATAN"</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	6

¹ Al-Baqarah : 195



<p>Kesihatan merupakan nikmat yang sangat bernilai dan sangat berharga daripada Allah SWT. Tanpa kesihatan yang baik, kita tidak mampu menjalankan tugas dan urusan harian dengan sempurna. Nikmat sihat yang diberi hendaklah disyukuri dan dijaga sebaiknya supaya kita boleh terus beribadah dan menjalani kehidupan dengan selesa. Justeru, kita dituntut mengamalkan gaya hidup sihat, sentiasa bersih dan berusaha mencegah segala bentuk penyakit yang membawa kemudharatan dan kebinasaan.</p>	7
<p>Umat Islam hendaklah berusaha mencegah diri dari terdedah dan tercampak ke dalam jurang apa sahaja kebinasaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195,</p> <p style="text-align: center;">.....وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ</p> <p>“.....dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil).”</p>	8
<p>Oleh itu, segala ruang dan sebab yang boleh memudaratkan dan merosakkan seseorang hendaklah ditolak terlebih dahulu. Kaedah Fikh menyebutkan,</p> <p style="text-align: center;">دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ</p> <p>“Menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan”.</p>	9



<p>Justeru, dalam konteks penjagaan kesihatan lebih-lebih lagi semasa wabak covid 19 ini, aspek pencegahan amatlah penting dan diutamakan. Arahan kerajaan menetapkan beberapa langkah pencegahan seperti memakai pelitup separuh muka, penjarakan fizikal 1 meter dan yang terbaru suntikan vaksin covid 19 hendaklah dipatuhi oleh semua rakyat. Ini kerana virus covid 19 boleh menyebabkan berlakunya kemudaran dan kemusnahan dengan begitu cepat dan menyeluruh.</p>	10
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Kerajaan telah membuat ketetapan untuk memberi suntikan vaksin covid 19 secara percuma kepada setiap rakyat. Ketetapan ini hendaklah diterima kerana ia adalah suatu keputusan yang mendatangkan masalah dan kebaikan kepada rakyat. Ini berdasarkan satu kaedah fikh menyebutkan:</p> <p style="text-align: center;">تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ</p> <p>“Urus tadbir pemerintah ke atas rakyat adalah terikat dengan masalah”</p>	11
<p>Oleh itu, suntikan vaksin ini merupakan pencegahan yang paling berkesan dan selamat bagi membendung wabak penyakit covid 19 in sya Allah. Malah bahan vaksin ini telah disah dan diumumkan harus penggunaannya oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke-10 yang bersidang pada 3 Disember 2020 dengan menyatakan, “Hukum Penggunaan Vaksin COVID-19 adalah harus dan ianya wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.”</p>	12



<p>Perlu ditegaskan di sini bahawa menolak vaksin secara total adalah perbuatan tidak bertanggungjawab yang dilarang oleh syara'. Ia bukan sahaja boleh memudaratkan diri sendiri, bahkan akan memudaratkan seluruh komuniti. Ini kerana jika sebahagian besar masyarakat tidak dilindungi daripada jangkitan sesuatu penyakit cegahan vaksin, maka virus penyebab penyakit tersebut senang mencari seseorang yang boleh dijangkiti, sekali gus bakal memudaratkan komuniti.</p>	13
<p>Justeru, imuniti kelompok perlu diutamakan dan ia hanya boleh dicapai dengan liputan imunisasi yang tinggi. Ini bertepatan dengan prinsip Islam yang mementingkan pencegahan daripada sebarang kemudharatan, sebagaimana kaedah :</p> <p style="text-align: center;">لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ</p> <p>"Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudharatan"</p>	14
<p>Dari sudut aqidah, kita sebagai umat Islam yang beriman hendaklah yakin bahawa Allah SWT pasti menurunkan ubat dan penawar bagi mengawal penyebaran segala penyakit termasuklah penyakit covid 19. Ini sebagaimana hadis daripada Abu Darda' bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ</p>	15
<p>"Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu berubat dengan (perkara) yang haram".</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Abu Daud)</p>	16




<p>Muslimin yang dirahmati sekalian,</p> <p>Setelah segala usaha pencegahan dan doa dilakukan, Islam mengajar kita agar menyerahkan segala urusan seterusnya kepada Allah SWT iaitu tawakkal atau penyerahan diri yang mutlak kepada Allah. Inilah pegangan akidah sejati seorang muslim, yang menghimpunkan antara usaha, doa serta tawakkal kepada Allah dalam menghadapi pandemik covid 19. Namun, sekiranya segala usaha telah diambil dan dipatuhi, kita tetap diuji juga dengan penyakit, maka hendaklah kita bersabar, tenang dan redha dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah.</p>	17
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 51:</p> <p>قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ</p>	18
<p>"Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal".</p>	19
<p>Muslimin yang berbahagia sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa nikmat dan musibah serta sihat dan sakit adalah datangnya daripada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha dan berdoa untuk menjauhkan dan dijauhkan dari perkara-perkara yang mendatangkan kemudharatan diri, keluarga, masyarakat dan Negara.3. Umat Islam hendaklah kekal mematuhi segala arahan dan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan suntikan vaksin dan amalan kebersihan diri bagi membendung wabak covid 19.	20



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۖ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾</p>	21
<p>“Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya.”</p> <p>(Al-Fussilat : 46)</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا </p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang sahih. Umat Islam hendaklah bersatu hati menghadapi persekitaran, ideologi songsang dan ancaman musuh-musuh Islam.</p>	4
<p>Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling asas ke arah pembinaan ummah yang bermaruah berwibawa dan cemerlang. Bersatulah dengan semangat kalimah tauhid, لا إله إلا الله, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta Qudwah Rasulullah SAW.</p>	
<p>Statistik Covid-19 di Selangor yang tinggi memerlukan kepatuhan yang tinggi juga terhadap ketetapan SOP utama, SOP JAIS dalam mencegah penularan dan kawalan sendiri masing-masing dalam situasi yang sukar ini. Tingkatkan keyakinan kepada Allah SWT, mengesakan-Nya dan menyucikan-Nya serta bertaubatlah.</p>	



<p>Renungkanlah kesalahan lalu masing-masing sehingga Allah SWT manghantar bala dan musibah ini. Bukan sibuk membuat tohmahan, memfitnah atau menyalahkan pihak-pihak yang sedang berusaha keras menghadapi keadaan ini.</p>	
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	6
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	8
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p> <p>Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10



<p>اللَّهُمَّ يَا دافعَ البلاءِ، اِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الوَبَاءَ وَالبَلاءَ وَالمَرَضَ وَالشَّدائِدَ وَالمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَي كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالإِجابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14